


My Library in Pocket (MyLIP) at Google Play

On the 18 December 2012, UTM Library has launched My Library in Pocket (MyLIP), a smart phone application for Android. The launching ceremony was officiated by the Pro Chancellor, Tan Sri Dr. Salleh Mohd. Noor.

MyLIP allows anyone on the more quick, easy and convenient access to popular library services on their mobile phones. The application was developed by Mr. Razib Karno, a Librarian from Information Search Division.

With smart phones fast becoming indispensable in people's everyday life, this initiative opens up a new channel for the library to reach out to our users.



Quick Guide to My Library in Pocket (MyLIP)

Step 1

Log on to Google Play (<https://play.google.com/store>) ----> search for library in my pocket ----> Install

If you do not have a Google play account, download it manually by following step 2.

Step 2

Go to UTM Library portal at www.utm.my/psz

Library portal front page—bottom menu

Click on the MyLIP icon and download manually –transfer to your Smartphone and install



INSIDE THIS ISSUE

- MyLIP P.1
- Library Services Help Sheet P.3
- Peranan Bidang Sains Perpustakaan P.3
- SciVal Spotlight & DataStream P.4
- The Happiness Myth P.5
- Akses Mudah dengan OPAC P.6

Dari Tinta Editor

Assalamualaikum wmt.wbk. dan Salam Sejahtera

Fungsi Perpustakaan adalah untuk menyediakan dan menyampaikan maklumat yang benar, mewujudkan hubungan baik dengan umum bagi membantu melahirkan warga yang berilmu dan berkemampuan tinggi dalam sesebuah organisasi. Lantaran itu penerbitan buletin ini dilihat sebagai langkah pendokumentasian dalam penyampaian maklumat yang berkesan secara bercetak mahupun digital.



Melihat perkembangan teknologi di hujung jari, perkongsian maklumat Perpustakaan UTM diteruskan lagi dengan pelancaran MyLIP iaitu penggunaan telefon bimbit menggunakan aplikasi android pada 18 Disember 2012 yang lalu yang telah dirasmikan oleh Pro Canselor UTM, Tan Sri Dr. Salleh Mohd Noor. Aplikasi yang dianjurkan ini sememangnya dapat memberi peluang kepada para pustakawan mendapat pengalaman dalam melaksanakan penyampaian maklumat sementara para pelanggan akan mendapat maklumat mengenai kemudahan dan perkhidmatan secara digital yang tersedia dan ditawarkan.

Akhir kata, semoga penerbitan buletin ini dapat memberi manfaat kepada semua khususnya dan warga UTM secara keseluruhannya. Sebarang pendapat dan cadangan dialu-alukan untuk tujuan penambahbaikan perkhidmatan Perpustakaan UTM.



LIBRARY SERVICES HELP SHEET

What is a "Reference"?

A **reference** or **citation** is a description of any document from which you have taken information, e.g. a complete book, a chapter from it, a journal article, a newspaper article, a web page, or DVD etc.

What is "Citing"?

"Citing" a reference is the act of recording it. It is made in two places:

1. A brief entry for each source in the text of your work, which then leads your reader to your source
2. In full, at the end of your work, as an alphabetical reference list.

As the list is in alphabetical order, it is easy to pick out the required author's work.

Why do I need to do it?

It is both a legal requirement and academic practice to provide references to guide your reader to the sources you have used,

- support the arguments you are making
- demonstrate the breadth of your research
- credit the established work of others

EDITORIAL

Patron: Kamariah Nor Mohd Desa

Editor-In-Chief: Noraziah Sharuddin

Editor: Salina Shamshuri

Editorial Team:

Zafarina Dol, Mohd Razib Karno, Syahranah A. Raqi,

Mohd Rodzuan Yusof, Noor Ayesha Mohd Ezanee

Circulation: Kartini Ibrahim, Mohd. Firdauz Kusnin

Photography: Media Unit

Easy way to [LIKE] UTM Library



Can't live without the library, and can't wait to share the love?

LIKE us on Facebook today!

Ease of facilities and Services at UTM Library

The spacious and comfortable space provided by the library for our users;

- Seminar Room
- Viewing Room
- Discussion Room
- Carrel room
- Research Carrel
- Foyer
- Exhibition Area
- 24 Hours Study Room
- Information Searching Laboratories
- Executive Room



Ketua Pustakawan Kongsi Maklumat Strategi Perpustakaan Menerusi KAI



Pencapaian *Key Amal Indicators* (KAI) Perpustakaan dari Januari–September 2012 telah dikongsi bersama kepada seluruh warga UTM apabila Ketua Pustakawan, Pn. Kamariah Nor Mohd Desa membentangkannya semasa Perjumpaan TNC(P) dengan staf bukan akademik UTM pada 31 Oktober 2012 yang lalu bertempat di Dewan Senat, UTM.

Antara pencapaian yang disentuh adalah mengenai peningkatan koleksi UTM-IR, penggunaan pangkalan data langganan Perpustakaan, pinjaman bahan oleh pengguna aktiviti sokongan penyelidikan, sokongan pengajaran dan pembelajaran, pengukuran prestasi Perpustakaan, budaya ilmu, peruntukan penyenggaraan, penjana kewangan, kandungan digital, pangkalan data yang dilanggan oleh UTM dan Tanggungjawab Sosial (CSR). Turut disentuh adalah cabaran masa depan yang harus dihadapi oleh Perpustakaan untuk terus relevan kepada masyarakat. Antara cabarannya ialah penyediaan kelengkapan ICT di bangunan baru dan strategi bagi memastikan perpustakaan kekal relevan. Taklimat diakhiri dengan kejayaan yang dikecapi oleh kumpulan SK Perpustakaan dalam Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) di peringkat kebangsaan.

Peranan Bidang Sains Perpustakaan Semakin Mencabar

Berdasarkan Buku Standard Program Sains Perpustakaan yang diterbitkan oleh MQA, Sains Perpustakaan ialah "Bidang sains perpustakaan dan maklumat yang merupakan gabungan sains perpustakaan dan sains maklumat.

Sains perpustakaan (kadang-kala dirujuk sebagai kepustakawanan) merujuk kepada prosedur berkaitan perpustakaan dan pengurusan perpustakaan. Sains maklumat berurusan dengan pengenalan, pengumpulan, pengendalian, pengorganisasian, penyimpanan, dapatan semula, penghantaran dan penggunaan maklumat yang direkodkan. Oleh itu, istilah sains perpustakaan dan maklumat merujuk kepada institusi (iaitu perpustakaan) dan proses (iaitu maklumat) dalam institusi tersebut.

Setelah sekian lama, sains perpustakaan dan maklumat telah berkembang menjadi satu cabang pembelajaran antara disiplin yang merangkumi sains sosial, kemanusiaan, teknologi maklumat dan komunikasi serta sains gunaan. Kebelakangan ini juga, banyak istilah yang berkait rapat dengan istilah di atas telah muncul yang berkongsi satu perspektif umum tentang maklumat. Ini termasuklah pengurusan maklumat, informatik, pengurusan rekod dan pengurusan pengetahuan."



SciVal SPOTLIGHT


An Innovative Solution for Performance Evaluation



The Library invites all UTM academic staff and researchers to access SciVal Spotlight. SciVal Spotlight is a customized web-based tool that enables research institutions to evaluate their research performance and

establish research strategies.

SciVal Spotlight uses an innovative visualisation technique to produce customised maps that provide graphical views of an institution's performance over time and across scientific fields, focusing on specific topical areas. By pinpointing a university's topical strengths



and identifying leading researchers and institutions in each area, SciVal Spotlight is designed to help academic decision-makers optimise funding allocations and enhance hiring and collaboration decisions.

Quantifying the overall size of each topical area, SciVal Spotlight allows institutions to understand the significance of their article and market shares and how they rank compared to competitors in those areas. It also assesses article and market growth or decline over the last five years, offering an average rate for each using a two year sliding scale. Additionally, it determines if an institution's work is building upon the most recent discoveries; providing a "state of the art quotient" by analysing how recent the citations are within its published output.

To access SciVal Spotlight, please log on to <http://web.utm.my/psz/>

Get to Know DATASTREAM



What is DataStream?

DataStream is a global and macroeconomic database covering equities, stock market indices, currencies, company financials and key economic indicators by country and sector.

When should I use DataStream?


If you require any of the following:

- Economics** - Country Reports, statistical data e.g. GDP
- Bonds**, (a single bond)
- Bond Indices (Multiple Bonds)**,
- Equities** (Share price for a co e.g. BT)
- Equity Indices** (Share prices for an index e.g. FTSE 100),
- Investment Trusts**,
- Unit Trusts** (e.g. pension schemes)
- Interest rates** e.g. LIBOR, Bank Base Rate, Mortgage
- Exchange rates** e.g. £ to \$
- Commodities and Derivatives** e.g. cocoa, oil (N.B a limited amount of data)

Accessing DataStream

Datastream database is now available for use on a single computer at these locations: Research Support Division (UTM Library, Johor Bahru), UTMKL Library, FGHT Library & FPPSM Library. For more info on DataStream, log on to http://thomsonreuters.com/products_services/financial/financial_products/a-z/datastream/

The Formula For Creating Happiness At Work by Anne Kreamer



Professional happiness is elusive--but you can have it (or even manufacture it), if you know where to look.

In her book *The Happiness Myth*, Jennifer Michael Hecht (2007) identifies three basic kinds of happiness: good day, good life, and peak.

Good-day happiness is about an awareness of the fortunate conditions


of one's life--where stopping to smell the roses can have measurable positive impact.

Meanwhile, Good-life happiness as it relates to work would be more along the lines of being engaged in tasks that you find meaningful and challenging, and in which you are aware that you're helping provide a decent material quality of life for your family.

Peak happiness is the more transcendent sort, it is the peak experiences in our lives that endure, that offer us hope and glimmers of meaning, and that connect us to our families, communities, and a sense of the eternal. And this kind of happiness is closely connected to the "V" in the happiness formula--these are the things we *choose* to do.

Read more at Harper Collins Publisher.

Akses Mudah Dengan OPAC



Tahukah anda bahawa OPAC (*Online Public Access Catalogs*) telah diperkenalkan di Amerika Syarikat pada 1981/82. Sehingga kini, tahun itu masih dipandang sebagai titik pertama kad catalog beralih kepada katalog berkomputer di perpustakaan besar, termasuk the Library of Congress di Amerika Syarikat. Penukaran rekod kad katalog secara besar-besaran dewasa itu boleh disifatkan sebagai penukaran pangkalan data yang pertama dalam sejarah perpustakaan. OPAC bukan sahaja sudah menggantikan kad katalog, malahan telah merintis jalan baru ke arah penyebaran maklumat sejagat.

OPAC bukan sahaja berfungsi memaklumkan pelanggan tentang bahan dalam koleksi perpustakaan, tetapi juga status bahan yang dipesan tetapi belum diterima, bahan yang sudah dipinjamkan dan tarikh pemulangnya, selain membolehkan pelanggan membuat tempahan, menghantar mesej kepada kakitangan perpustakaan dan mengakses koleksi perpustakaan lain. Pendek kata, OPAC sudah membawa banyak perubahan yang besar kepada operasi dan amalan di perpustakaan sendiri selain kerjasama di antara banyak perpustakaan.

Kini, kita telah diberi banyak titik pengaksesan mencari rekod bibliografi di banyak perpustakaan, dan tidak lagi terbatas nama pengarang, judul dan perkara seperti pada peringkat permulaannya. Selain itu, peralihan itu bukan sahaja merupakan satu lagi ujian ke atas rekabentuk catalog perpustakaan, tetapi juga menjadikan rekod bibliografi perpustakaan boleh diakses oleh ramai orang di banyak lokasi, tidak kira jarak dan masanya. Pembangunan OPAC bukan sahaja sekadar berupa versi katalog elektronik menggantikan kad katalog cetak, tetapi juga sebagai antara muka kepada sistem perpustakaan digital. Maksudnya,

Dalam konteks ini, OPAC Perpustakaan UTM dikenali sebagai LESTARI yang bukan sahaja digunakan sebagai titik pencarian maklumat bibliografi, tetapi juga alat penyelidikan. Selain boleh membuat pencarian menggunakan nama pengarang, kata kunci, nama korporat, nombor kelas, siri, judul, kita juga boleh menggunakan ISSN, ISBN, *Boolean operators*, *string searching* dan juga *phrase searching*. Kita tidak lagi perlu menggunakan LCSH (*Library of Congress Subject Heading*), tetapi boleh menggunakan bahasa biasa (*natural language*).

Kini, OPAC dan sistem pengurusan perpustakaan bersepadu telah membuatkan pengaksesan maklumat menjadi lebih mudah dan cepat berbanding dengan sistem perpustakaan manual dahulu.



Online Databases Remote Access via VPN

INFO

UTM Library provides remote access via Virtual Private Network (VPN) for users to search and download subscribed online databases content. Please login using your **matric card barcode (username)** and **PIN Code (password)** or **ACID @ ISID Account**

Inisiatif Pengurusan Inovasi Perpustakaan Universiti di Malaysia Tingkat Jaringan Profesionalisma

International Association of Scientific and Technological University Libraries (IATUL) dan *Thammasat University Libraries* adalah penganjur bersama Innovation Management Workshop yang berlangsung pada 8-9 November 2012 di Bangkok, Thailand. Ketua Pustakawan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah ahli aktif IATUL. Kehadiran Ketua Pustakawan untuk program IATUL adalah jemputan khas sebagai mewakili Malaysia untuk membenteng perkembangan mengenai inisiatif pengurusan inovasi di Perpustakaan Universiti di Malaysia.



Pengurusan Inovasi Perpustakaan Universiti di Malaysia

Ketua Pustakawan UTM telah berkongsi peranannya sebagai Pengerusi 'Special Interest Group bagi Key Performance Indicators' (SIG KPI) peringkat Kebangsaan iaitu gabungan Persidangan Pustakawan Universiti dan Negara (PERPUN) yang dianggotai oleh lebih 23 buah Perpustakaan Universiti Awam dan Perpustakaan GLC Malaysia. Melalui SIG KPI ini, inisiatif melaksana dan menggunakan BS ISO 11620:2008 telah bermula pada tahun 2011. Beberapa mesyuarat, bengkel dan persidangan peringkat antarabangsa (CKPI 2011) telah dianjurkan oleh UTM. Kumpulan ini bersetuju 44 daripada 45 Performance Indicators (PIs) digunakan oleh semua ahli untuk memulakan pengumpulan data asas yang dijangka siap pada pertengahan tahun 2013. SIG KPI memainkan peranan yang proaktif bilamana pihak Pengurusan Universiti UTM telah menekankan kepada keperluan KPI sebagai instrument mengukur prestasi staf bukan akademik. Skop prestasi yang akan diukur adalah *Cost, Space, Efficiency* dan *Customer Satisfaction*. Melalui garis panduan dan kaedah yang terdapat dalam BS ISO 11620:2008, ia telah memudahkan pihak Perpustakaan UTM untuk mengadaptasi dan menjajarkan keperluan KPI untuk staf bukan akademik UTM dengan lebih mudah dan cepat. Menerusi kehadiran Ketua Pustakawan UTM di persidangan IATUL ini, secara tidak langsung memberi impak kepada jaringan profesionalisma global. Peluang berada dalam jaringan di peringkat pembuat dasar diguna sepenuhnya dalam perbincangan berkongsi maklumat, menanda aras dan pengukuran pencapaian perpustakaan.




Hari Bersama Pelanggan UTM Medan Promosi Perkhidmatan Perpustakaan

Hari Bertemu Pelanggan Peringkat Universiti yang telah berlangsung pada 12 hingga 14 Disember 2012 di Dewan Sultan Iskandar telah menjadi medan mempromosi perkhidmatan perpustakaan kepada seluruh warga UTM yang diadakan serentak dengan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UTM kali ke-8. Pelanggan serta orang awam serta warga UTM boleh mendapatkan sebarang maklumat yang lebih terperinci dengan mengunjungi kaunter yang telah disediakan. Pelbagai cenderahati turut disediakan bagi menarik minat orang ramai berkunjung ke kaunter Perpustakaan. Antara promosi yang dijalankan sepanjang tiga hari program berlangsung ialah pengecualian denda buku lewat dipulang, peminjaman dan pemulangan buku, khidmat runding rujuk bagi pangkalan data, pesanan bahan, pendaftaran keahlian baru, sumbangan buku untuk UTM *Reading Stations* dan cadangan penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan.



Mutlaka Kata

"Demi masa sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian, kecuali mereka yang beriman dan beramal soleh serta nasihat menasihati di atas kebenaran dan kesabaran" (surah Al-Asr Ayat : 1-3)



Source: Charlie Brown library cartoon



'Razak School' Library has Moved to High End Advanced Management Centre Building

The process of moving Razak School's Library collection from Yayasan Selangor Building at Kg Baru to High End Advanced Management Centre building took about 3 weeks. The process started on 9th October 2012 and ended on 7th November 2012.

The relocation process involved two staff from Razak School Unit with the help from several Circulation Unit staff. The process of relocating the office furniture and equipment were done by a contractor appointed by the Office of Asset and Development (PHB), UTM Kuala Lumpur. Re-arranging of books at new building was completed on 7th November 2012.



Dissecting Thoughts and Constructions on Civilisations

On 17 October 2012, UTM Kuala Lumpur Library has organised 'Bicara Karya', a programme where authors were invited to discuss their books with the audience. For this session, the Library has invited Prof. Dr. Muhamad Zainiy Uthman, the author of "Pemikiran dan Pembinaan Tamadun".

The book presented evaluation and analysis on relationships between the nations that have achieved civilisation. According to the author, in order for a transformation to take place in a nation, various aspects such as languages, cultures and religions must be taken into consideration.

These aspects should be the guidance in building a prosperous and peaceful nation. He further stressed the need to harness the best qualities available from the multi- languages, religions and cultures existed in a nation. These diversities should be a bond of unity which should be reflected by every Malaysian.

The author expressed his hope that the discussion will allow viewers to explore, understand and appreciate the role of various languages, values and cultures existed in Malaysia to ensure a better nation for the future.

Perkongsian Pengalaman Menjejak Kem Induk Everest Pro Canselor Bersama Warga UTM



Perpustakaan UTM telah mengadakan Program Perkongsian Pengalaman bersama Pro Canselor UTM, Tan Sri Dr. Salleh Mohd Noor pada 18 Disember 2012 yang lalu bertempat di Bilik Seminar 3 Perpustakaan.

Pro Canselor dan Pegawai Perhubungan Awam UTM, En. Sabri telah berbesar hati berkongsi pengalaman manakala Timbalan Pendaftar (UTMKL), Pn. Siti Salamah telah menyampaikan sebuah sajak berkait cabaran pendakian dan seterusnya diikuti dengan sesi menandatangani



plak sempena pelancaran MyLIP.

Program seperti ini selain memberi manfaat kepada seluruh warga UTM, ia juga memberi semangat kepada generasi muda bahawa umur bukan penghalang dalam melakukan sesuatu perkara. Pro Canselor juga berharap agar semua staf dan pelajar UTM dapat menjadikan pengalaman berharga ini sebagai motivasi untuk memajukan diri dalam apa jua bidang yang ingin diceburi.

Gotong Royong Peningkat Amalan Ke Arah Persekitaran dan Kerja Berkualiti **5S**



Amalan 5S di Perpustakaan UTM telah dilaksanakan berpandukan kepada Pelan Induk Aktiviti 5S yang telah dibangunkan. Pada 1 hingga 2 November 2012, aktiviti gotong royong Perdana 5S telah melibatkan semua staf di Perpustakaan UTM Johor.

Aktiviti bermula seawal 8.00 pagi apabila semua staf perpustakaan di berhimpun di Bilik Seminar 3 Perpustakaan. Perhimpunan dimulakan dengan ucapan oleh Ketua Pustakawan mengenai hasrat beliau untuk memfokus kepada keceriaan dan kebersihan. Ini diikuti dengan ucapan oleh Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Prof. Ir Dr. Wahid Omar dimana beliau telah melahirkan harapan supaya semua pihak dapat memberi kerjasama dalam menceriaan dan membersihkan kawasan Perpustakaan. Seterusnya beliau telah merasmikan aktiviti gotong royong berkenaan dengan simbolik menanam pokok hiasan di depan perpustakaan.



Aktiviti gotong royong ini dilakukan bagi memastikan ruang pejabat dan kawasan-kawasan yang berada di bawah seliaan zon setiap bahagian masing-masing berada dalam keadaan memuaskan ke arah pensijilan Amalan 5S pada tahun 2013. Aktiviti ini juga akan diadakan pada setiap hari Jumaat dari jam 2.45 hingga 5.00 petang.

Sesungguhnya Perpustakaan berharap melalui program sebegini akan membawa kesan dan faedah yang bermanfaat kepada seluruh warga Perpustakaan dalam membentuk kerja yang lebih tersusun, mudah serta persekitaran yang bersih.

Perpustakaan UTM Berjaya Merangkul Pingat Emas 3 Bintang Dalam Pertandingan KIK Kebangsaan



Pada tanggal pada 17 Oktober 2012, Pasukan 5K dari Perpustakaan UTM sekali lagi berjaya merangkul 'Anugerah Emas tiga bintang' dalam Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan pada 14 - 17 Oktober 2012 bertempat di *Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)*.

Sebanyak 59 buah Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) dari sektor awam dan 103 Kumpulan dari sektor swasta telah mengambil bahagian di dalam konvensyen pada tahun ini. Setiap kumpulan KIK akan membentangkan projek yang telah diselesaikan menggunakan pelbagai alat kualiti dari peringkat pengenalpastian masalah sehinggalah ke peringkat penyelesaian. Antara alat kualiti yang digunakan adalah seperti Kaedah Matriks, Rajah Infiniti, Rajah Tulang Ikan (juga dikenali sebagai Rajah *Ishikawa*), Rajah Pareto, Konsep PDCA, Teknik Rajah Pokok dan pelbagai lagi kaedah mengikut kesesuaian projek yang dijalankan.

Majlis penyampaian anugerah dan trofi penyertaan telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Jacob Dungau Sagan, Timbalan Menteri di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri beserta Pengerusi MPC Yang Berbahagia Tan Sri Azman Hashim. Walaupun Kumpulan 5K tidak berjaya tersenarai dalam 10 Kumpulan terbaik yang mendapat anugerah emas tiga bintang bagi melayakkan diri ke peringkat antarabangsa, sekalung tahniah diucapkan kepada Kumpulan 5K Perpustakaan UTM di atas kejayaan memenangi 'Anugerah Emas tiga bintang'. Semoga kejayaan ini akan menjadi pemangkin dan perangsang kepada kumpulan KIK yang baru.

